

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Datuk Madius Tangau [Tuaran]

TARIKH : 8.4.2014

SOALAN :

Y.B. Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan oleh kerana Kolej Komuniti di Tuaran sudah diluluskan, bilakah kolej tersebut akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Waran Perjawatan Kolej Komuniti telah diluluskan sebanyak 14 jawatan untuk tahun 2014. Walau bagaimanapun proses sewaan bangunan masih dalam tindakan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dengan pemilik bangunan. Bangunan yang dicadangkan masih **belum mendapat Sijil Layak Menduduki (CF)**. Bagi pihak Jabatan, tindakan proaktif seterusnya ialah mendapatkan bangunan alternatif yang bersesuaian untuk disewa di kawasan Tuaran, Sabah.

Rjm